

Sultan Johor rasmi Masjid UTHM

BATU PAHAT - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkenan mencemar duli merasmikan Masjid Sultan Ibrahim, di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini, semalam.

Baginda yang tiba jam 12.40 tengah hari menandatangani plak perasmian, sebelum acara diteruskan dengan bacaan doa selamat oleh Mufti negeri, Datuk M Tahir Samsudin.

Kemudian, baginda bersama warga UTHM, pemimpin tempatan serta masyarakat setempat menyertai solat Jumaat dan mengambil kesempatan bersalaman dengan rakyat jelata.

Hadir sama, Yang Dipertua Majlis Jemaah Diraja Johor, Datuk Abdul Rahim Ramli; Pengurus Jawatankuasa Agama negeri, Abd Mutalip Abd Rahim dan Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin.

Masjid Sultan Ibrahim mula memainkan peranannya sebagai institusi syiar Islam setelah mendapat kebenaran Majlis Agama



Sultan Ibrahim menandatangani plak di masjid berkenaan sebagai simbolik perasmianya.

Islam Negeri Johor (Maij) untuk beroperasi bulan Oktober 2011.

Bangunan masjid atas tanah berkeluasan enam ekar yang turut menempatkan Kompleks Pusat Islam dibina dengan kos mencecah RM33 juta dan mampu memuatkan sehingga 3,000 je-

maah pada satu-satu masa.

Masjid itu turut menjadi tumpuan masyarakat setempat termasuk warga Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Kolej Jururawat Parit Raja dan perumahan serta perindustrian di sekitar kawasan itu untuk menunaikan solat Jumaat dan solat

sunat hari raya.

Pelbagai aktiviti pernah dijalankan di masjid itu sepanjang tahun ini antaranya kursus haji perdana, majlis solat hajat dan bacaan Yasin, program takbir raya, ibadah korban perdana dan aktiviti keagamaan lain.